

26/07/2004

Profesional wajar pulang: Dr Mahathir

By Daud Awang

MELAKA: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, profesional yang bertugas di luar negara masih boleh menikmati kehidupan selesa walaupun pendapatan mereka kurang jika bekerja di negara sendiri.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, ini kerana kos hidup di negara ini masih rendah berbanding negara luar, termasuk Eropah.

Sambil menyokong langkah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang memujuk graduan Malaysia berkhidmat di negara sendiri, Dr Mahathir berkata, langkah itu wajar kerana kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membantu mereka.

"Mereka wajar balik kerana ini boleh disifatkan sebagai satu brain drain kerana kerajaan berbelanja berjuta-juta ringgit untuk memberi mereka pelajaran.

"Apabila mereka sudah belajar menggunakan wang negara, maka negara maju memilih untuk mengambil yang berbakat saja dengan tidak perlu mengeluarkan belanja seperti kita belanjakan.

"Sepatutnya ini boleh dianggap sebagai satu harta intelek dan mereka perlu bayar kepada negara kita apabila mereka mengambil bakat yang baik dari kita untuk bekerja di negara mereka. Tapi mereka tak bayar satu sen pun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis konvokesyen kelima Universiti Multimedia (MMU) di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, di sini, semalam.

Pada majlis itu, Dr Mahathir, 79, dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengetahuan Sains berikutan sumbangannya yang berterusan terhadap kemajuan sains dan teknologi di negara ini.

Selain itu, Dr Mahathir juga adalah pencetus Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Cyberjaya ketika perkhidmatannya selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri.

Anugerah itu disampaikan oleh isterinya yang juga Canselor MMU, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Pada majlis itu juga, 2,585 graduan MMU menerima ijazah dan diploma masing-masing.

Kelmarin selepas merasmikan bangunan baru Jabatan Penuntut Malaysia di London, Abdullah mengulangi rayuannya agar graduan Malaysia yang kini mencurahkan kepakaran di merata dunia kembali berbakti untuk sama-sama membangunkan negara.

Sambil mengumumkan strategi serampang tiga mata untuk memikat mereka pulang berkhidmat di negara ini, Abdullah berkata, kemahiran mereka sangat dialu-alukan bagi membolehkan negara mencapai matlamat Wawasan 2020.

Difahamkan, ada kira-kira 30,000 rakyat Malaysia yang ketika ini berkhidmat dalam pelbagai bidang kemahiran di negara maju.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan perlu mewujudkan suasana dan imbuhan yang setanding dengan apa yang mereka peroleh di luar negara.

Mengulas mengenai ucapannya pada majlis itu, Dr Mahathir berkata, tumpuan berterusan wajar diberikan ke arah meningkatkan penguasaan bidang sains dan teknologi.

(END)